



**PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA**

NOTA UCAPAN KETUA SETIASAHA NEGARA

**PROGRAM JELAJAH TAAT SETIA KETUA SETIAUSAHA
NEGARA KE NEGERI MELAKA**

7 JULAI 2025

SOLUTASI

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih kepada pengerusi majlis

Solusi mengikut skrip Pengacara Majlis

**Rakan Media serta hadirin tuan puan yang dihormati
sekalian.**

PENGHARGAAN

1. Pertama sekali, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat berhimpun dalam program Jelajah Taat Setia ini sebagai satu wadah memperkukuh semangat patriotisme, nilai integriti dan iltizam kita kepada negara tercinta. Ini merupakan Jelajah Taat Setia **ketiga** yang kita laksanakan setelah dua jelajah sebelum ini adalah di Negeri Sembilan dan Sabah.
2. Di kesempatan ini, saya amat hargai kesudian dan kelapangan Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh yang dapat hadir bagi program Jelajah TAAT SETIA pada pagi ini.
3. Saya juga ucapkan penghargaan kepada penganjur Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri dengan kerjasama Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan terima kasih kepada seluruh penjawat awam yang hadir, mewakili pelbagai skim dan jabatan. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menyemarakkan kembali semangat kenegaraan dan kekitaan yang menjadi nadi kekuatan perkhidmatan awam.

PENJAWAT AWAM: TULANG BELAKANG NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ

“Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah, dan taatilah Rasul, serta pemimpin di kalangan kamu...”

5. Ayat ini menjadi prinsip asas bagi kita sebagai penjawat awam. Ketaatan kepada pemimpin bukanlah semata-mata pengabdian kepada sistem, tetapi satu tuntutan agama selagi mana ia tidak bertentangan dengan syariat.
6. Sebagai jentera pelaksana dasar negara, **penjawat awam memikul amanah yang sangat besar**. Setiap tindakan kita mencerminkan keutuhan institusi dan kestabilan negara. Kita bukan hanya pelaksana dasar. **Kita adalah penjaga kestabilan, penyambung kepercayaan rakyat, dan pemegang amanah sistem pentadbiran negara**.
7. Dalam perkhidmatan hari ini, lebih 1.6 juta penjawat awam berkhidmat di pelbagai peringkat dan jabatan sama ada dari sekolah ke balai, dari pusat ke daerah, dari jabatan negeri ke kementerian persekutuan. **“Taat setia dalam perkhidmatan bukan soal kesetiaan membuta tuli,**

tetapi kesetiaan yang berpaksikan kepada sistem, prinsip dan tanggungjawab".

SETIA PADA PEMIMPIN ADALAH SETIA KEPADA SISTEM DAN PERLEMBAGAAN

Hadirin yang dimuliakan,

8. Ramai yang menyangka bahawa apabila kita berbicara soal kesetiaan kepada pemimpin, ia bersifat peribadi. Hakikatnya tidak. Setia kepada pemimpin yang dipilih secara sah bermakna kita setia kepada sistem demokrasi berperlembagaan. Kita setia kepada Perlembagaan Persekutuan, kepada prinsip Raja Berperlembagaan dan kepada mandat rakyat yang diterjemahkan melalui proses pilihan raya.
9. Sebagai penjawat awam, kita berkhidmat kepada kerajaan yang sah mengikut lunas undang-undang. Kita tidak terikat dengan mana-mana parti, tetapi kita terikat dengan sumpah jawatan yang kita lafazkan untuk mendukung Perlembagaan dan menjunjung undang-undang.

MENYINGKAP SEJARAH JATUH BANGUN KOTA MELAKA

10. Sejarah agung negeri penuh bersejarah Melaka memperlihatkan betapa kukuhnya sebuah pemerintahan

apabila rakyat dan hulubalang berdiri teguh memberikan taat setia kepada institusi pemerintahan. Sosok panglima Hang Tuah dan empat sahabat karibnya bukan sekadar kisah legenda, tetapi lambang jitu kepada nilai kesetiaan yang berpaksikan maruah, prinsip dan kedaulatan negara.

11. Namun sejarah juga memberi peringatan kepada kita semua apabila kesetiaan mula retak, apabila kepercayaan diganti dengan pengkhianatan, maka jatuhlah Melaka ke tangan penjajah. Ini bukan sekadar lembaran silam, tetapi iktibar besar buat kita semua. Bahawa sesebuah negara, walau sekuat mana institusinya, akan rebah jika warganya tidak lagi setia kepada sistem dan pimpinan yang sah.
12. Justeru, marilah kita sebagai penjawat awam hari ini menyambung semangat Hang Tuah itu bukan dengan keris dan gelar, tetapi dengan integriti, amanah, dan kesetiaan kepada Perlembagaan serta tanggungjawab yang telah kita angkat sebagai sumpah jawatan.

NILAI M.A.L.A.Y.S.I.A SEBAGAI PANDUAN TINGKAH LAKU

Hadirin yang dihormati,

13. Dalam membina perkhidmatan awam yang berdaya tahan dan diyakini rakyat, kita tidak cukup dengan struktur dan dasar semata-mata. Kita perlukan budaya kerja yang jelas,

konsisten dan menyatu. Justeru, saya sering mengangkat nilai M.A.L.A.Y.S.I.A. sebagai satu kerangka nilai yang mesti dihayati oleh seluruh warga perkhidmatan awam.

Nilai ini merangkumi:

M – Mesra

A – Adil

L – Luhur

A – Amanah

Y – Yakin

S – Setia

I – Islah

A – Arif

14. Kesemua nilai ini bukan sekadar kata-kata. Ia merupakan panduan tingkah laku, sikap dan prinsip yang membentuk jati diri penjawat awam moden. Kita mahu lahirkan perkhidmatan awam yang bukan sahaja cekap dan telus, tetapi juga berjiwa besar, berakhlak tinggi dan berpandangan jauh.

**SINERGI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI:
UNTUK RAKYAT, BUKAN SEKADAR STRUKTUR**

15. Perkhidmatan awam tidak boleh berjalan secara *silo*. Kerjasama erat antara kerajaan negeri dan persekutuan

adalah kunci kepada keberkesanan pelaksanaan dasar di lapangan.

16. Setiap dasar yang diluluskan di pusat, memerlukan kekuatan pelaksanaan di peringkat negeri dan daerah. Maka sinergi antara kedua-dua peringkat ini mesti dibina di atas kepercayaan, komunikasi dan keikhlasan.

AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang dikasihi,

17. Apabila kita bercakap tentang reformasi dalam perkhidmatan awam, ia bukan hanya perubahan dasar atau penyusunan semula struktur. Ia adalah soal memperbaharui semangat dan cara kita berkhidmat.
18. Saya telah memperkenalkan **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam** sebagai satu usaha nasional untuk mentransformasikan sistem perkhidmatan negara agar lebih telus, tangkas dan berfokus kepada rakyat. Ia berpaksikan lima Bidang Keberhasilan Reformasi (BKR):
 - *Penghayatan Nilai dan Tatakelola* – agar integriti dan amanah menjadi asas semua tindakan.
 - *Pembangunan Modal Insan* – kerana perkhidmatan yang baik

bermula dengan manusia yang baik.

- ***Pembangunan Organisasi*** – untuk memastikan jabatan kita cekap, berstruktur dan relevan.
- ***Penyampaian Perkhidmatan*** – supaya rakyat merasai kesan dasar, bukan sekadar mendengar janji.
- ***Sinergi Awam–Swasta*** – untuk memanfaatkan kekuatan semua pihak demi kepentingan negara.

19. Namun, segala pelan dan dokumen ini tidak akan membawa makna jika ia tidak diterjemahkan oleh tuan-tuan dan puan-puan dalam tindakan harian. Reformasi bukan kerja satu pihak sahaja. Ia adalah tanggungjawab kita bersama.

PENCAPAIAN MALAYSIA DALAM LAPORAN PENARAFAN DAYA SAING DUNIA

20. Saya juga ingin berkongsi dimana pencapaian Malaysia dalam laporan Penarafan Daya Saing Dunia (*World Competitiveness Ranking – WCR*) 2025 melonjak sebanyak **11 anak tangga ke kedudukan ke-23** daripada 69 ekonomi, berbanding tempat ke-34 pada tahun lalu. Negara berada di laluan yang kukuh dalam mencapai sasaran

Ekonomi MADANI untuk berada dalam kelompok 12 ekonomi paling berdaya saing sebelum 2033.

21. Peningkatan ketara ini antaranya didorong oleh faktor Kecekapan Kerajaan yang merekodkan lonjakan sebanyak 8 tempat ke kedudukan ke-25 berbanding 33 pada tahun lepas. Ini menggambarkan hasil daripada usaha menyeluruh kerajaan dalam memperkukuh struktur tadbir urus negara, institusi awam dan proses kawal selia.

MADANI: NILAI YANG MESTI DITERJEMAHKAN

22. Malaysia MADANI bukan sekadar rangka pentadbiran atau dasar kerajaan. Ia adalah satu sistem nilai nasional yang menuntut penjawat awam untuk melihat semula cara kita bekerja, cara kita membuat keputusan, dan cara kita berkhidmat kepada rakyat.
23. Apa yang membezakan Malaysia MADANI ialah penekanannya terhadap nilai-nilai kemanusiaan dan keseimbangan dalam pentadbiran bukan hanya kecekapan semata-mata, tetapi juga kebijaksanaan, keadilan dan ihsan dalam melaksanakan amanah.

24. Dalam konteks perkhidmatan awam, MADANI mengingatkan kita bahawa hasil sesebuah dasar tidak cukup diukur melalui laporan pencapaian semata-mata. Ia mesti dinilai dari sudut kesan yang benar-benar dirasakan oleh rakyat sama ada perkhidmatan kita memudahkan atau menyulitkan hidup mereka.
25. Jika kita benar-benar memahami roh MADANI, maka kita akan sedar bahawa setiap tindakan kecil dalam perkhidmatan awam boleh menjadi titik tolak kepada perubahan besar dalam kehidupan rakyat.

BEKERJA DENGAN AMANAH DAN KEIKHLASAN

26. Setiap daripada kita yang memilih untuk menjadi penjawat awam telah mengangkat sumpah untuk memelihara, melindungi dan menjunjung Perlembagaan Persekutuan. Tetapi lebih daripada itu, kita sebenarnya telah mengikat janji kepada rakyat bahawa kita akan menjalankan tugas ini dengan amanah, jujur dan adil.
27. Kita mungkin tidak selalu disanjung. Kita tidak selalu mendapat perhatian media. Namun hakikatnya, keutuhan dan kestabilan negara ini bergantung kepada cara kita bekerja. Kalau kita ikhlas, sistem akan hidup. Kalau kita cuai, sistem akan reput.

PENUTUP

Hadirin yang dikasihi,

28. Sebagai penutup, saya ingin memetik sabda junjungan Nabi Muhammad S.A.W:

“Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan setiap daripada kamu akan ditanya tentang kepimpinannya.”

(Hadis Riwayat Ahmad)

29. Oleh itu, apa jua jawatan kita, dari peringkat pengurusan tertinggi sehinggalah ke peringkat sokongan, semuanya adalah kepimpinan yang perlu ditunaikan dengan adil, beretika dan berintegriti. Bekerjalah bukan untuk pangkat, tetapi untuk keberkatan. Setialah bukan kerana takut, tetapi kerana cinta kepada negara.

30. Ayuh kita bangunkan kembali keyakinan rakyat terhadap kerajaan melalui perkhidmatan kita. Ayuh kita buktikan bahawa penjawat awam bukan sahaja taat tetapi juga setia, jujur, dan berjiwa rakyat.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.